

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD MARZUK BIN
SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]

SOALAN NO. 52

Y.B. TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana kaedah perolehan Kerajaan terkini secara spesifik serta apakah pembaharuan terkini yang telah dilakukan dalam mengemaskini sistem perolehan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha memastikan semua proses perolehan Kerajaan dilaksanakan selaras dengan prinsip perolehan Kerajaan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka dan adil dan saksama. Kaedah perolehan yang diamalkan oleh Kerajaan adalah berdasarkan amalan terbaik perolehan di peringkat antarabangsa di mana semua proses perolehan perlu dilaksanakan secara terbuka.

Perlu ditegaskan bahawa kuota dan dasar keutamaan kepada kontraktor Bumiputera dikekalkan selaras dengan dasar sedia ada. Hanya kaedahnya yang berubah di mana keutamaan kontrak yang diberikan kepada kontraktor Bumiputera mesti dijalankan secara tender terbuka di kalangan kontraktor Bumiputera.

Pelaksanaan perolehan Kerajaan bagi bekalan, perkhidmatan, perunding dan kerja dinyatakan secara jelas di bawah Pekeliling Perbendaharaan/ Perolehan Kerajaan (PP/PK) yang dimuat naik di portal rasmi Kementerian Kewangan dan boleh diakses oleh umum. Penetapan kaedah untuk sesuatu perolehan adalah tertakluk kepada had nilai dan kategori perolehan tersebut. Secara ringkasnya untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan, kaedah perolehan yang sedang berkuatkuasa adalah pembelian terus bagi nilai perolehan kurang daripada RM20,000.00, sebut harga bagi nilai perolehan antara RM20,000.00 sehingga RM500,000.00 dan tender terbuka atau tender terbuka pra-kelayakan bagi perolehan bernilai melebihi RM500,000.00.

Kaedah dan had nilai yang ditetapkan untuk perolehan kerja pula terdiri daripada lantikan terus bagi kerja-kerja yang bernilai kurang daripada RM20,000.00, *requisition* untuk kerja-kerja kecil yang tidak mengubah struktur asal dengan menggunakan Jadual Kadar Harga sehingga RM50,000.00, sebut harga bagi nilai perolehan antara RM20,000.00 sehingga RM500,000.00 dan tender terbuka atau tender terbuka pra-kelayakan bagi perolehan bernilai melebihi RM500,000.00.

Manakala kaedah dan had nilai bagi perolehan perkhidmatan perunding pula bergantung kepada skop perkhidmatan yang diperlukan seperti projek pembangunan fizikal, kajian dan kerja ukur. Pada amnya, pemilihan firma perunding dilaksanakan menggunakan tiga (3) kaedah

iaitu lantikan terus beserta kos siling (LTBKS), tender terbuka atau tender terbuka pra-kelayakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga sentiasa menyemak dan mengkaji kesesuaian sesuatu peraturan selaras dengan perkembangan semasa supaya pengurusan perolehan Kerajaan Malaysia turut berada sebaris dengan amalan di peringkat antarabangsa.

Justeru itu, bermula dengan surat Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018 yang menerangkan kepada semua Agensi Kerajaan berkenaan penambahbaikan tadbir urus dan pelaksanaan perolehan Kerajaan termasuk penggunaan sistem ePerolehan sepenuhnya ke atas perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding mulai 1 Julai 2018, terdapat beberapa lagi penambahbaikan ke atas sistem perolehan Kerajaan yang telah dilaksanakan.

Antaranya, pemansuhan kaedah perolehan secara tender terhad dan diganti dengan kaedah perolehan secara tender terbuka pra-kelayakan yang mana proses pemilihan syarikat/kontraktor adalah lebih telus dengan menyaring syarikat/kontraktor yang benar-benar layak dan mempunyai pengalaman serta kepakaran yang diperlukan. Dengan itu, dapat mengelakkan diskriminasi ke atas sesebuah syarikat dalam pasaran dan seterusnya mengawal perbelanjaan.

Seterusnya, dalam usaha untuk memperkukuhkan kerangka perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sedang dalam tindakan menggubal Rang Undang-undang (RUU) Perolehan Kerajaan yang bertujuan mengawal selia perbelanjaan awam secara profesional dan telus bagi memastikan semua perolehan Kerajaan diuruskan berlandaskan dasar dan prinsip perolehan Kerajaan untuk mencapai tadbir urus terbaik. RUU ini dijangka akan dibentangkan kepada Parlimen dalam bulan Julai 2020 dan mula berkuatkuasa pada Januari 2021.

Selain itu, pengukuhan peruntukan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 182 iaitu pelaksanaan semua projek kerja oleh Jabatan Teknik. Kerajaan telah memutuskan supaya perolehan kerja bagi tahun 2019 akan diagihkan mengikut nisbah 70% perolehan Kerja dilaksanakan oleh Jabatan Teknik dan baki 30% pula dilaksanakan oleh Kementerian/ Agensi. Perkara ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (JPPN) Bil.4/2017 pada 8 November 2017. Langkah ini diambil bagi memastikan semua

Kementerian/ Agensi melaksanakan projek berdasarkan nasihat dan cadangan yang dikemukakan oleh Jabatan Teknik supaya dapat mengelakkan daripada kelewatan pelaksanaan projek dan pembaziran dana awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kewangan juga telah memutuskan untuk memusatkan penarafan Bumiputera bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di bawah satu bumbung di mana YB Menteri Kewangan telah bersetuju menurunkan kuasa kepada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) untuk bertindak sebagai pentadbir kepada penarafan ini.

Di samping itu juga, Kerajaan juga sedang berusaha untuk meningkatkan sistem perolehan berasaskan teknologi (e-perolehan) bagi mengurangkan campur tangan manusia dan pada masa ini penambahbaikan ke atas sistem e-Perolehan (Fasa 2) sedang berlangsung secara berkala dan dijadualkan akan selesai pada 31 Disember 2020.

Seiring dengan penambahbaikan ke atas sistem e-Perolehan, Kerajaan juga sedang mengkaji pembangunan sistem perolehan kerja atas talian yang akan berperanan sebagai satu platform tunggal untuk tujuan merancang dan menguruskan projek dan aset infrastruktur awam. Pembangunan kedua-dua sistem ini adalah bertujuan untuk meningkatkan ketelusan perolehan Kerajaan, mengurangkan risiko rasuah, penyelewengan dalam pasaran serta aktiviti anti-persaingan.